

PHB beli dua harta tanah industri RM247 juta di Kedah dan Johor

Pelaburan Hartanah Bhd (PHB), syarikat pelaburan di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) mengumumkan pemerolehan dua harta tanah industri di Kulim Hi-Tech Park, Kedah dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor dengan nilai pelaburan kira-kira RM247 juta.

Menurut PHB dalam kenyataan semalam, aset pertama diperoleh daripada Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd (KTPC), meliputi kawasan 4.8 hektar yang terletak di lokasi strategik dalam Kulim Hi-Tech Park.

Kemudahan ini terdiri daripada tiga blok bangunan industri, bangunan utama empat tingkat, gudang dan kawasan pengeluaran setingkat.

Harta tanah ini disewakan sepenuhnya kepada Schott Glass, peneraju global dalam teknologi kaca khas dan bahan canggih

Harta tanah kedua pula

diperoleh daripada Rancak Beta Sdn Bhd, terletak di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, hab logistik utama di selatan Malaysia.

Ia meliputi kawasan seluas 3.80405 hektar dan menempatkan gudang setingkat yang disewakan sepenuhnya kepada Maersk, syarikat logistik bertaraf antarabangsa.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif PHB, Mohamad Damshal Awang Damit, berkata kedua-dua aset ini merupakan bangunan industri berprestasi tinggi yang terletak di zon ekonomi utama di luar Lembah Klang, menawarkan penyewaan jangka panjang yang stabil dengan penyewa berkualiti.

“Dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap ruang industri dan logistik berkualiti, PHB kekal fokus untuk meneroka sektor industri bernilai tinggi bagi mengoptimalkan prestasi jangka

panjang dan mengekalkan pulangan stabil kepada pemegang unit Amanah Hartanah Bumiputera (AHB).

“Pemerolehan ini selari dengan matlamat PHB untuk meningkatkan pulangan pelaburan dan mengoptimumkan peruntukan sektor dalam portfolio harta tanah syarikat bagi menjana pendapatan yang lebih stabil, mampan dan kukuh untuk jangka masa panjang,” katanya.

Menurut PHB, langkah strategik ini merupakan sebahagian daripada pelan pembangunan jangka panjang PHB untuk memperkuuh kedudukan dalam segmen harta tanah industri serta mempelbagaikan portfolio pelaburannya selaras dengan aspirasi pertumbuhan syarikat.

Melalui pemerolehan ini, aset industri PHB kini menyumbang sehingga 10 peratus daripada keseluruhan portfolio harta tanah pelaburan syarikat.